

Amalan Pelancongan Hijau: Satu Analisis Kepentingan-Perlaksanaan Terhadap Premis Penginapan Pelancong di Pulau Tioman, Pahang

Mohammad Rahmdzey Roly^a (P69638), Chamhuri Siwar^a,
Shaharuddin Mohamad Ismail^a dan Norlida Hanim Mohd Salleh^b

^aInstitut Alam Sekitar dan Pembangunan (LESTARI),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

^bFakulti Ekonomi dan Pengurusan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

Email: rahmdzey@yahoo.com

Pernyataan Masalah: Salah satu cabaran utama pusat pelancongan yang sensitif dan rapuh seperti kawasan pulau adalah mengekalkan kelestarian sumber alam sekitar untuk memenuhi kehendak komuniti setempat dan para pelancong. Peranan yang dimainkan premis penginapan pelancong adalah sangat penting untuk memastikan sumber alam sekitar tidak terjejas dengan mengamalkan konsep pelancongan hijau. **Objektif:** Satu tinjauan melalui soal selidik dilakukan terhadap premis penginapan pelancong yang terdapat di Pulau Tioman untuk melihat sejauh mana amalan pelancongan hijau dipraktikkan di premis mereka. **Metodologi:** Kaedah soal selidik ditadbir dilakukan terhadap 54 premis penginapan pelancong dan analisis kepentingan-perlaksanaan (*Importance-Performance Analysis – IPA*) digunakan untuk membina matriks terhadap lima dimensi kelestarian sumber alam sekitar iaitu alam sekitar, ekonomi, sosial budaya, amalan persekitaran dan etika. **Hasil:** Sejumlah 31 penunjuk pelancongan hijau terlibat sebagai penanda aras terhadap amalan premis penginapan pelancong di Pulau Tioman ke arah melestarikan sumber alam sekitar. Enam belas penunjuk pelancongan hijau terletak dalam kuadran ‘teruskan prestasi yang baik’ manakala dua penunjuk tersenarai dalam kuadran ‘perlukan penumpuan’. Terdapat 11 indikator berada pada kuadran ‘kurang prioriti’ dan selebihnya iaitu dua penunjuk berada pada kuadran ‘kemungkinan diabaikan’. **Kesimpulan:** Diagnosis visual berdasarkan empat kuadran tersebut membolehkan pengusaha premis penginapan pelancong menumpukan sumber tenaga dan kewangan bagi menambah baik mutu perkhidmatan ke arah melaksanakan konsep pelancongan hijau yang bertujuan memelihara sumbar alam sekitar secara komprehensif.